

# Penyokong kena jaga emosi elak pergaduhan

Saya berasa sungguh kecewa kerana penyokong tempatan bola sepak tanah air tidak menjaga adab dan tatasusila ketika menyaksikan perlawanan dan masalah sudah sekian lama berlaku namun penyelesaiannya masih menemui jalan buntu.

## Perlawanan bukan medan perang

Perlawanan bola sepak bukanlah medan perang, membaling batu atau membakar mercun, mahupun memaparkan sikap yang tidak profesional. Penyokong setiap pasukan tidak perlu beremosi sangat sehingga mencetuskan pergaduhan, rusuhan yang mendatangkan kecederaan orang awam dan lebih

teruk lagi boleh meragut nyawa.

Setiap penyokong tegar hendaklah hormati antara satu sama lain dan janganlah cuba melakukan provokasi dan perang mulut terhadap penyokong lawan kerana ia dapat menimbulkan rasa tidak puas hati seterusnya dapat mencetuskan pergaduhan.

Setiap kali masalah atau pergaduhan yang berlaku pada waktu perlawanan, persatuan bola sepak negeri (FA) yang selalunya menjadi 'kambing hitam' kerana perangai yang tidak bertamadun oleh penyokongnya.

## Muak dengan sikap penonton

Denda menjadi perkara biasa bagi setiap persatuan bola sepak



Penonton cedera dibawa keluar selepas **berlaku rusuhan** ditimbulkan penyokong bola sepak.

negeri, bahkan mereka sangat muak dengan sikap penyokong yang tidak bertanggungjawab ini dan ia boleh mencemarkan kredibiliti serta nama persatuan. Justeru, pelbagai langkah penyelesaian telah diambil namun masalah ini tetap berlanjutan.

Penyokong bola sepak hendak mengenang budi jasa persatuan bola sepak negeri dalam usaha memartabatkan sukan bola sepak negeri masing-masing serta menaikkan nama negeri di mata

masyarakat. Mereka hendaklah bertanggungjawab dalam setiap usaha yang dilakukan persatuan bola sepak berjalan lancar.

"Yang menang jadi arang, yang kalah jadi abu," inilah mampu dikatakan sekiranya masalah ini tidak dibendung. Kemenangan umpama sampah sekiranya kita mengabaikan nilai murni, nilai nyawa dan hak orang lain.

**Mazwan Mohamad**

Universiti Sains Islam Malaysia